

## Rasulullah s.a.w. Suami Contoh

**K**ebahagiaan keluarga merupakan tunjang bagi kejayaan seseorang.

Melalui keluarga akan nanti melahirkan ulama, cendiakawan, usahawan atau pimpinan yang unggul.

Suami dalam keluarga memainkan peranan penting dalam memimpin seisi keluarga. Melalui kepimpinan suami itulah mempengaruhi kejayaan dan kebahagiaan sebuah keluarga.

Bagaimanakah ciri-ciri suami yang berjaya? Bagi menjawab persoalan ini kita perlu menyelusuri sirah Rasulullah s.a.w. sebagai seorang suami yang berjaya malah Baginda mempunyai ciri-ciri suami idaman seluruh wanita. Ciri-ciri tersebut termasuk:

### ♥ MENYAYANGI ISTERI DENGAN SEPENUH HATI

Rasulullah menyayangi Khadijah dengan sepenuh hati kerana isterinya merupakan satu nikmat Allah terbesar yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w. Baginda amat menyayanginya kerana:

- Khadijah tinggal bersama Baginda selama suka abad dan mereka sama-sama merasai saat-saat suka duka.
- Dia membantu Baginda ketika suasana yang getir dan sukar.
- Dia sama-sama membantu Baginda menyebarkan risalah Allah.
- Dia menyertai Baginda dalam jihad menegak agama Allah.
- Dia mengorbankan kepentingan diri dan harta bendanya.
- Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dia, Khadijah

beriman denganku ketika orang ramai mengkufuriku, dia mempercayaku ketika orang ramai mendustakan aku, dia berkongsi denganku harta bendanya ketika orang ramai menghalangku." (Riwayat Ahmad dalam *Musnad Ahmad* 6/118)

### ♥ ROMANTIK

Rasulullah s.a.w. juga merupakan seorang suami yang romantik. Bagaimana romantiknya Rasulullah?

#### ● Tidur bersama isteri dalam satu selimut

Daripada Atha' bin Yasar: "Sesungguhnya Rasulullah saw dan Aisyah r.a. selalu mandi bersama dalam satu bekas. Dan pernah suatu ketika Baginda tidur dengan Aisyah dalam satu selimut, tiba-tiba Aisyah bangun. Baginda kemudian bertanya, "Mengapa engkau bangun?" Jawab Aisyah, "Kerana saya haid,

wahai Rasulullah." Sabda Rasulullah, "Kalau begitu, pergilah, dan pakaikan kain dan dekatlah kembali padaku." Aisyah pun masuk, lalu berselimut bersama Baginda." (Riwayat Sa'id bin Manshur)

#### ● Saling memakaikan wangian

Aisyah berkata, "Sesungguhnya Nabi s.a.w. apabila meminyakkan badannya, Baginda akan memulai daripada auratnya menggunakan *nurah* (sejenis serbuk pewangi) dan isteri Baginda meminyakkan bahagian lain daripada tubuh Rasulullah s.a.w." (Riwayat Ibnu Majah)

#### ● Mandi bersama isteri

Daripada Aisyah r.a. beliau berkata, "Aku pernah mandi bersama Nabi s.a.w. menggunakan satu bekas. Kami bersama-sama memasukkan tangan kami (ke dalam bekas tersebut)." (Riwayat Abdurrazaq dan Ibnu Abu Syaibah)



## ● Minum menggunakan bekas yang sama

Daripada Aisyah r.a., dia berkata: "Saya pernah minum daripada cawan yang sama walaupun ketika haid. Nabi mengambil cawan tersebut dan meletakkan mulutnya di tempat saya meletakkan mulut, lalu Baginda minum. Kemudian saya mengambil cawan tersebut lalu menghirup airnya, kemudian Baginda mengambilnya daripada saya, lalu Baginda meletakkan mulutnya pada tempat saya letakkan mulut saya, lalu Baginda pun menghirupnya." (Riwayat Abdurrazaq dan Said bin Manshur)

## ● Membelai isteri

"Adalah Rasulullah s.a.w. tidaklah berlalu setiap hari melainkan beliau mesti mengelilingi kami semua (isterinya) seorang demi seorang. Baginda menghampiri dan membelai kami tetapi tidak bersama (bersetubuh) sehingga Baginda singgah ke tempat isteri yang menjadi giliran baginda, lalu baginda bermalam di sana." (Riwayat Ahmad)

## ● Mencium isteri

Daripada Hafshah, puteri Umar r.h.a.: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. mencium isterinya sekalipun sedang berpuasa." (Riwayat Ahmad)

## ● Berbaring di pangkuan isteri

Daripada Aisyah r.a., "Nabi s.a.w. meletakkan kepalanya di pangkuanku walaupun aku sedang haid, kemudian Baginda membaca al-Quran." (Riwayat Abdurrazaq)

## ● Panggilan mesra

Rasulullah s.a.w. memanggil Aisyah dengan beberapa nama panggilan yang disukainya seperti *Aisy* dan *Humaira'* (si pipi merah delima).

## ● Menyejukkan kemarahan isteri dengan mesra

Nabi s.a.w. memicit hidung Aisyah r.h.a. sekiranya dia marah dan Baginda berkata, "Wahai Uwaisy, bacalah doa: Wahai Tuhanku, Tuhan Muhammad, ampunilah dosa-dosaku, hilangkanlah kekerasan hatiku dan lindungilah diriku daripada fitnah yang menyesatkan." (Riwayat Ibnu Sunni)

## ● Memberi hadiah

Daripada Ummu Kalsum binti Abu Salamah, dia berkata, "Ketika Nabi s.a.w. berkahwin dengan Ummu Salamah, Baginda

## Doa Mengeratkan Kasih Sayang Sesama Ahli Keluarga

اللَّهُمَّ بَارِكْ لِي فِي أَهْلِي، وَبَارِكْ لَهُمْ فِيَّ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ بَيْنَنَا  
جَمْعَتٍ بَخِيرٍ، وَفَرِّقْ بَيْنَنَا إِذَا فَرَّقْتَ إِلَى خَيْرٍ

Maksudnya: "Ya Allah, berikanlah berkat kepadaku melalui isteriku, dan berikanlah keberkatan kepada mereka melalui diriku. Ya Allah, satukanlah kami dengan kebaikan, dan pisahkanlah kami jika perpisahan itu memberikan kebaikan pada kami semua." (Athar sahih diriwayatkan oleh Abd. Razzaq dalam al-Musannaf No.10460-10461)

Rujukan: *Tarbiah Anak-Anak dengan Zikir dan Doa*, Zahazan Mohamed dan Rohidzir Rais, Telaga Biru sdn. Bhd.

bersabda kepadanya: "Sesungguhnya aku hendak memberikan hadiah kepada Raja Najasyi sepersalinan pakaian dan beberapa botol minyak kasturi, namun aku mengetahui bahawa Raja Najasyi telah meninggal dunia dan aku mengagak hadiah itu akan dikembalikan. Jika hadiah itu memang dikembalikan kepadaku, aku akan memberikannya kepadamu." Dia (Ummu Kaltsum) berkata, "Benarlah keadaan Raja Najasyi seperti yang disabdakan Rasulullah s.a.w. dan hadiah tersebut dikembalikan kepada baginda, lalu Baginda memberikan kepada isteri-isterinya sebotol minyak kasturi, manakala baki daripada minyak kasturi dan pakaian tersebut Baginda beri kepada Ummu Salamah." (Riwayat Ahmad)

## ● MENGHORMATI DAN MENJAGA PERASAAN ISTERI

Rasulullah s.a.w. merupakan seorang suami yang sentiasa menghormati dan menjaga perasaan isterinya. Suatu ketika, ketika Rasulullah hendak melaksanakan solat malam, Baginda mendekati isterinya Aisyah. Aisyah berkata: "Di tengah malam Baginda mendekatiku dan ketika kulitnya bersentuhan dengan kulitku Baginda berbisik, 'Wahai Aisyah, izinkan aku untuk beribadah kepada Tuhanku.'"

## ● TIDAK BERKASAR DAN BERLEMAH LEMBUT DENGAN ISTERI

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. bahawa pada suatu hari salah seorang isterinya datang dengan membawa makanan untuk dikirimkan

kepada Rasulullah yang sedang berada di rumah Aisyah. Tiba-tiba Aisyah dengan sengajanya menjatuhkan makanan itu sehingga

piring tersebut pecah dan makanannya jatuh berderai. Melihat sikap Aisyah tersebut, Rasulullah s.a.w. tidak berkasar dengan Aisyah sebaliknya dengan lemah lembutnya Baginda meminta Aisyah menggantikan makanan tersebut.

## ● MEMBANTU ISTERI

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Aisyah r.h.a. pernah ditanya seorang lelaki yang bernama Aswad tentang apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika berada di dalam rumahnya? Maka Aisyah menjawab: "Rasulullah s.a.w. sentiasa membantu ahli keluarganya melakukan kerja rumah. Dan apabila tiba masuk waktu solat, baginda keluar untuk solat."

Demikianlah beberapa contoh bagaimana Rasulullah s.a.w. menunjukkan akhlak yang sangat mulia. Kepulangan Rasulullah s.a.w. ke rumah bukan sekadar untuk beristirahat dan bermesra dengan ahli keluarganya sahaja. Bahkan, Baginda di rumahnya juga adalah untuk membantu isterinya menguruskan rumah tangga. Inilah yang Baginda lakukan walaupun mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab di luar rumah.

Kesimpulannya, kita perlu mencontohi akhlak dan keperibadian Baginda tersebut. Sesibuk-sibuk kita, tidaklah seperti sibuknya Rasulullah s.a.w. Setinggi-tinggi pangkat kita di tempat kerja, tidaklah setinggi pangkat dan darjat Rasulullah s.a.w. Maka apakah yang menghalang kita daripada membantu meringankan tugas dan urusan isteri kita di rumah?

Betapa besarnya pengorbanan Rasulullah s.a.w. sebagai seorang suami terhadap isterinya. Maka sebagai seorang suami contohilah sikap Baginda ini ketika bermuamalah bersama isteri. Manakala buat para isteri, ingatkan suami anda tentang ciri-ciri suami idaman. Semoga berbahagia bersama pasangan anda! ■

### Mohd Azrul Azlen Abd Hamid

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM. Berpengalaman dalam bidang motivasi dan kepimpinan dan aktif dalam penerbitan buku ilmiah dan artikel majalah. [www.mohdazrul.blogspot.com](http://www.mohdazrul.blogspot.com).

